

Aged 54, Dato' Zaki is a lawyer by profession and received his Barrister-at-Law at Lincoln's Inn, United Kingdom.

Dato' Zaki began his career with the Malaysian Government's Judicial and Legal Service. During his service, he held various senior positions including Magistrate and legal officer at the Attorney-General's Chambers. He is presently a Director of several public-listed companies.



5 **Dato' Zaki bin Tun Azmi**  
MEMBER • AHLI

*Dato' Zaki yang berusia 54 tahun adalah seorang peguam dan menerima kelayakan Barrister-at-Law di Lincoln's Inn, United Kingdom.*

*Dato' Zaki memulakan kerjaya beliau di dalam Perkhidmatan Kehakiman dan Guaman Kerajaan Malaysia. Sepanjang tempoh perkhidmatan tersebut, beliau pernah memegang beberapa jawatan kanan termasuk sebagai Majistret dan pegawai undang-undang di Pejabat Ketua Peguam Negara. Kini beliau menyandang jawatan Pengarah di beberapa buah syarikat senarai awam.*

Aged 52, Encik Adnan holds a Bachelor of Arts (Hons.) (Econs.) Degree from the University of Malaya and Masters of Arts (Econs.) Degree from the University of Southern California, United States of America.

Encik Adnan has 28 years experience in the transport and aviation industry. His last position before joining Malaysia Airports Sdn. Bhd. in 1992 was that of Deputy Director General, Department of Civil Aviation. He also sits on the Regional Board and the World Governing Board of Airports Council International.

Aged 33, Encik Rosman holds a Bachelor of Commerce Degree from the Australian National University. A Public Accountant by profession, he is a member of both the Australian Society of Certified Practising Accountants and the Malaysian Institute of Accountants.

He previously worked with Arthur Andersen & Co. for more than nine years in the areas of auditing, financial and corporate advisory and corporate finance before joining the Group in 1997.

Aged 52, Encik Muhammad, who holds a Bachelor of Commerce & Administration Degree from Victoria University, Wellington, New Zealand is the Group Company Secretary as well as General Manager (Administration & Legal Services).

Prior to joining the Group, Encik Muhammad spent most of his working life with Cold Storage (Malaysia) Berhad, holding several key positions over the years. He brings to the Group 15 years of administrative and secretarial experience.



6 **Encik Adnan bin Shamsuddin**  
EXECUTIVE DIRECTOR, OPERATIONS •  
PENGARAH EKSEKUTIF, OPERASI

Encik Adnan yang berusia 52 tahun adalah lulusan Sarjana Muda Sastera (Kepujian) (Ekonomi) dari Universiti Malaya dan Sarjana Sastera (Ekonomi) dari University of Southern California, Amerika Syarikat.

Beliau mempunyai 28 tahun pengalaman bekerja di dalam industri pengangkutan dan penerbangan. Sebelum menyertai Malaysia Airports Sdn. Bhd. pada tahun 1992, beliau memegang jawatan sebagai Timbalan Ketua Pengarah, Jabatan Penerbangan Awam. Beliau juga merupakan ahli Lembaga Serantau dan Lembaga Pentadbir Dunia untuk Majlis Lapangan Terbang Antarabangsa.

7 **Encik Rosman bin Abdullah**  
EXECUTIVE DIRECTOR, FINANCE •  
PENGARAH EKSEKUTIF, KEWANGAN

Encik Rosman yang berusia 33 tahun memiliki Ijazah Sarjana Muda Perdagangan dari Australian National University. Beliau adalah seorang Akauntan Awam Bertauliah yang menjadi ahli Australian Society of Certified Practising Accountants dan Institut Akauntan Malaysia.

Sebelum ini, beliau pernah berkhidmat dengan Arthur Andersen & Co. selama lebih sembilan tahun dalam bidang pengauditan, khidmat nasihat kewangan dan korporat dan kewangan korporat sebelum menyertai Kumpulan pada tahun 1997.

8 **Encik Muhammad bin Arshad**  
COMPANY SECRETARY •  
SETIAUSAHA SYARIKAT

Encik Muhammad yang berusia 52 tahun memiliki Ijazah Sarjana Muda Perdagangan & Pentadbiran dari Victoria University, Wellington, New Zealand dan beliau adalah Setiausaha Kumpulan serta Pengurus Besar (Pentadbiran & Perkhidmatan Undang-undang).

Sebelum menyertai kumpulan, Encik Muhammad menumpukan sebahagian besar tempoh kerjayanya dengan Cold Storage (Malaysia) Berhad dan memegang berbagai jawatan penting sepanjang perkhidmatannya itu. Beliau mempunyai pengalaman selama 15 tahun di dalam bidang pentadbiran dan kesetiausahaan.



# chairman's statement

## *penyata pengerusi*

On behalf of the Board of Directors, I am pleased to present the Annual Report and Audited Accounts for the Group and the Company for the financial period ended 31st December, 1999.

*Saya bagi pihak Lembaga Pengarah dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan dan Akaun-akaun Kumpulan dan Syarikat Yang Telah Diaudit bagi tempoh kewangan berakhir 31hb Disember, 1999.*

## **Financial Results**

The Group's performance improved in the financial period under review, with turnover of RM816.9 million compared to RM658.6 million in 1998, an increase of 24%. The increase in turnover was largely attributed to a wider range of commercial activities.

The upturn in the Malaysian economy boosted the confidence of Malaysians and foreigners, and brought a welcome change in passenger movement, from 27.8 million passengers in 1998 to 29.2 million passengers in 1999. In particular, passenger movement at the K.L. International Airport (KLIA) and the Sultan Abdul Aziz Shah Airport in Subang registered combined passenger traffic of 15.2 million in 1999, as compared to

14.7 million in 1998. The Group is therefore expected to enjoy better profitability with the expected increase in passenger, cargo and aircraft movements in the coming year.

## **Group Highlights**

During the year, the Group, through its subsidiary Sepang International Circuit Sdn. Bhd., staged two international events at the state-of-the-art circuit — the Federation Internationale Motorcyclistes (FIM) World Motorcycle Grand Prix and the Federation Internationale Automobile (FIA) Formula One Championship. We were honoured with the World's Best Grand Prix Event award for the Formula One event in 1999, despite the fact that it was the first such event to be organized by the Group.



27

## **Keputusan Kewangan**

Prestasi Kumpulan bertambah baik pada tempoh kewangan yang ditinjau dengan perolehan meningkat sebanyak 24% kepada RM816.9 juta berbanding RM658.6 juta pada tahun 1998. Pertambahan lebih banyak aktiviti perdagangan adalah sebab utama yang telah membantu peningkatan perolehan.

Pemulihan ekonomi Malaysia telah merangsang keyakinan rakyat Malaysia serta warga asing dan ini telah mendorong perubahan pergerakan penumpang yang memang dinantikan, daripada 27.8 juta penumpang pada tahun 1998 kepada 29.2 juta penumpang pada tahun 1999. Pergerakan penumpang di Lapangan Terbang Antarabangsa K.L. (KLIA) dan Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang mencatatkan aliran trafik gabungan seramai 15.2 juta pada tahun 1999 berbanding 14.7 juta pada tahun 1998. Justeru itu,

Kumpulan dijangka akan menikmati tingkat keuntungan yang lebih baik melalui jangkaan peningkatan pergerakan penumpang, kargo dan pesawat pada tahun akan datang.

## **Maklumat Kumpulan**

Pada tahun ini, Kumpulan melalui syarikat subsidiarinya, Sepang International Circuit Sdn. Bhd., telah menganjurkan dua acara bertaraf antarabangsa di litar canggihnya — Perlumbaan Grand Prix Motosikal Dunia Federation Internationale Motorcyclistes (FIM) dan Kejuaraan Formula One Federation Internationale Automobile (FIA). Sebagai penghormatan terhadap kejayaan menganjurkan acara Kejuaraan Formula One, kami telah diberi anugerah Acara Grand Prix Terbaik Di Dunia bagi tahun 1999, walaupun ia dianjurkan buat pertama kali oleh Kumpulan.

Towards the end of November 1999, the Company was successfully listed on the Main Board of the Kuala Lumpur Stock Exchange (KLSE) and became one of six airports in the world to be listed. With Beijing City Airport joining the ranks of public listed airports companies, there are now seven airports listed worldwide.

The listing of the Company involved an initial public offering of 198 million ordinary shares, comprising an offer for sale of 88 million ordinary shares by Minister of Finance (Incorporated) to the Malaysian public, management and employees of the Group at an offer price of RM2.50 per share. In addition, 110 million new ordinary shares were offered to approved Malaysian institutions also at RM2.50 per share.

#### **Dividend**

The Directors recommend a final tax-exempt dividend of 10 sen per share (7 sen final dividend and 3 sen special dividend) in respect of the financial period ended 31st December 1999.

#### **Outlook**

The year 2000 presents new opportunities and challenges for the Group. As we welcome the new millennium, the Group continues to be committed to its goal of being in the top tier of airport companies in the world.

Our state-of-the-art Total Airport Management System (TAMS) will continue to further enhance our capabilities, not only in airport operations, but also in capitalizing on e-commerce



Syarikat telah disenaraikan di Papan Utama Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) menjelang akhir November 1999 dan menjadi salah sebuah daripada enam lapangan terbang di dunia yang disenaraikan awam. Penyertaan Lapangan Terbang Kotaraya Beijing sebagai syarikat lapangan terbang yang disenaraikan awam menjadikan bilangannya kini tujuh di seluruh dunia.

Penyenaraian syarikat melibatkan tawaran awam permulaan sebanyak 198 juta saham biasa, meliputi tawaran bagi penjualan sebanyak 88 juta saham biasa oleh Menteri Kewangan (Diperbadankan) kepada rakyat Malaysia, pengurusan dan kakitangan Kumpulan pada harga tawaran RM2.50 sesaham. Di samping itu, 110 juta saham biasa baru telah ditawarkan kepada beberapa institusi Malaysia yang diluluskan juga pada harga RM2.50 sesaham.

#### **Dividen**

Para Pengarah mengesyorkan dividen akhir dikecualikan cukai sebanyak 10 sen sesaham (7 sen dividen akhir dan 3 sen dividen khas) berhubung tempoh kewangan berakhir 31hb Disember, 1999.

#### **Pandangan Masa Hadapan**

Tahun 2000 membuka peluang yang lebih luas dan cabaran baru kepada Kumpulan. Sambil mengalu-alukan kedatangan alaf baru, Kumpulan terus berusaha mengukuhkan komitmen kami untuk memenuhi matlamat menjadi syarikat lapangan terbang peringkat satu di dunia.

Sistem Pengurusan Lapangan Terbang Menyeluruh (Total Airport Management System – TAMS) kami akan terus mempertingkatkan keupayaan kami, bukan sahaja dalam